

Scan Associates Menangi Projek Perkhidmatan Keselamatan Terurus Bernilai RM5.5 Juta

Published: 02 September 2010

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) - Scan Associates Bhd, syarikat pembekal penyelesaian keselamatan teknologi maklumat dan telekomunikasi, telah memenangi projek bernilai RM5.5 juta untuk perkhidmatan keselamatan terurus daripada Celcom Transmission Sdn Bhd.

Projek itu termasuk pembangunan, integrasi dan pelaksanaan pelbagai penyelesaian keselamatan ICT, termasuk perkakasan, perisian dan aplikasi, serta peruntukan pengurusan projek dan latihan teknikal.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia hari Khamis, syarikat itu berkata pembiayaan bagi projek 24 bulan itu akan disumbangkan dari dana dalaman.

"Projek ini dijangka menyumbang positif kepada pendapatan dan aset ketara bersih kumpulan," tambahnya.

BERNAMA

DISCLAIMER

Source: <http://www.bernama.com.my/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=525852>(BERNAMA)

Date : 02 September 2010

Author : N/A

This news clipping was taken from credible source by the *Corporate Communications Department, SCAN Associates Berhad.*

For enquiries, you can reach us via email at corpcomm@scan-associates.net or call 03 – 2166 0020.